



SIARAN MEDIA JABATAN PENJARA MALAYSIA

KEBENARAN SEMULA PERJUMPAAN DAN LAWATAN PENGHUNI DI SEMUA INSTITUSI PENJARA

KAJANG, 6 April 2021 – Jabatan Penjara Malaysia membenarkan perjumpaan dan lawatan dengan syarat dan garis panduan ketat yang **WAJIB** dipatuhi bagi mengawal penularan virus COVID-19 di dalam institusi penjara.

Pelawat perlu membuat tempahan terlebih dahulu melalui kaedah berikut:

1. Sistem i-Visit (ivisit.prison.gov.my)
2. Panggilan telefon
3. E-mel atau surat

Pihak institusi akan menetapkan tarikh dan sesi perjumpaan selepas tempahan dibuat.

Pendaftaran terbuka (*walk in*) dan pelawat berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** melakukan perjumpaan buat masa ini.

Walau bagaimanapun, bagi mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan, masih terdapat dua (2) institusi yang belum boleh dibenarkan untuk tujuan perjumpaan dan lawatan.

Sila hubungi institusi berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Maklumat institusi boleh didapati di laman web Jabatan Penjara Malaysia: **www.prison.gov.my**

JABATAN PENJARA MALAYSIA
Kajang, Selangor

Bil. 01/ 2021